

13 JUL 1996

ANWAR - IMF

IMF BERPENDAPAT MALAYSIA SUDAH SEDIA MENJADI NEGARA CONTOH UTAMA

SEPANG, 13 Julai (Bernama) -- Tabung Kewangan Antarbangsaa (IMF) berpendapat Malaysia sudah bersedia untuk menjadi negara contoh utama bagi negara membangun dalam kemajuan ekonomi dan kestabilan politik.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata perkara itu dinyatakan kepada beliau dalam perbincangan dengan Ketua IMF.

"Beliau telah mengusulkan kepada Pertubuhan Perpaduan Afrika (OAU) minggu lalu untuk menjadikan Malaysia dan beberapa negara lain di rantau ini sebagai contoh sistem politik yang stabil dan pengurusan makro ekonomi yang teratur," katanya.

Anwar berkata demikian ketika merasmikan Palm Garden IOI Resort di Putra Jaya dekat sini malam ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata walaupun mendapat pengiktirafan sebegitu rupa, Malaysia harus memastikan kejayaan yang dicapai dipertahankan dengan meneruskan dasar-dasar termasuk yang dilaksanakan di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya ini termasuk memberi galakan yang cukup kepada sektor swasta untuk berkembang maju dengan rangsangan sektor awam.

Tumpuan utama ialah industri perkhidmatan yang menyumbangkan 43% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, yang skop untuk meningkatnya adalah luas.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan sektor swasta supaya tidak melupakan tanggungjawab sosial mereka seperti dalam menangani masalah perumahan rakyat termiskin.

Pada majlis itu, Anwar menerima sumbangan RM3 juta daripada Pengarah Urusan IOI Corporation Berhad, Tan Sri Lee Shin Cheng untuk yayasan perumahan rakyat termiskin.

Pengerusi IOI, Datuk Haji Ibrahim Abdul Rahman yang juga bapa Anwar menyampaikan sumbangan 12 unit kereta proton untuk dijadikan kereta peronda Polis Diraja Malaysia yang diterima oleh oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor. -- BERNAMA

MNY FAZ